



FORUM PENGGUNA KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

NASKHAH PERCUMA

consumer.forum.malaysia

Baca saya online:
www.consumerinfo.my

cfm_malaysia

BULETIN
SETENGAH TAHUN

H
1
2
0
1
8

ISU BULETIN – ADAKAH ANDA LEBIH
BIJAK DARI SCAMMER?

Cegah penipuan akaun telefon pintar sebelum
terlambat

ZON APP – PEK PERMULAAN APLIKASI
UNTUK RAKYAT MALAYSIA

Aplikasi rasmi daripada pihak berkuasa untuk
menjadikan hidup anda lebih mudah

SHOUT!

TERBITAN FORUM PENGGUNA KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

INTERAKSI BERSAMA...

AZRAN OSMAN RANI

Segalanya tentang keusahawanan dan
cara beliau menikmati hidup



MENANGI BARANGAN MENARIK CFM

Muat naik gambar artikel
kegemaran anda dalam isu
ini di Facebook/Instagram
berserta hashtag

#cfmshout2018

ISSN 2289-3504



9 772289 350008 >

KDN PP 17752/11/2013 (033132)

PENGENALAN



NOTA EDITOR

Pembaca yang dihormati,

Kita telah pun menempuh separuh perjalanan bagi tahun ini dan kita telah melihat beberapa perubahan yang menjadikan tahun 2018 sangat istimewa. Saya pasti setiap daripada kita akan menantikan sesuatu yang lebih baik dan indah akan berlaku pada bulan-bulan yang akan datang. Apa sahaja cabaran yang bakal tiba, kita perlu harunginya dengan keyakinan yang utuh.

Bercakap mengenai tahun 2018, adakah anda sedar betapa pantas teknologi komunikasi dan multimedia telah membangun dan berkembang pada saat ini? Namun malangnya, perkembangan itu telah dicampuri dengan jenayah moden yang semakin dahsyat cara penipuannya untuk mencuri wang dan identiti kita. Baca bahagian Isu Buletin di mana kami membincangkan tentang penipuan akaun telefon pintar.

Kami juga menyediakan beberapa tip untuk anda membina jenama diri dengan cara terbaik di media sosial. Ia sama sekali tidak merugikan jika anda memanfaatkan media sosial untuk mempamerkan perkara yang anda minati. Selak ke bahagian Media Sosial, dapatkan tip-tip berguna dan bersedia untuk berhubung dengan lebih ramai pengikut!

Sebagai sebuah forum pengguna yang sangat mengambil berat tentang anda, kami ingin menjadikan kehidupan digital anda terus menjadi lebih baik. Oleh sebab itu, kami menyenaraikan aplikasi-aplikasi telefon pintar yang disediakan oleh pihak kerajaan, agensi-agensi dan pihak berkuasa tempatan yang akan menjadikan anda rakyat yang lebih peka. Sila baca ke bahagian Zon App.

Sebelum anda pergi lebih jauh ke dalam majalah kami, saya ingin mengingatkan anda bahawa motivasi diri yang baik pastinya akan menjadikan perjalanan tahun 2018 sebagai tahun terbaik anda. Untuk lebih inspirasi, jom baca sesi temu bual kami bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Naluri Hidup, Azran Osman Rani mengenai kisah hidup, kerjaya, kejayaan dan cabaran yang ditempuh oleh beliau.

Selamat maju jaya kepada anda dari kami semua di CFM.

Megat Ishak Ma'amunor Rashid
Editor

JAWATANKUASA EDITORIAL

**MEGAT ISHAK
MA'AMUNOR RASHID**

**AHMAD IZHAM
KHAIRUDDIN**

**NOOR SHAHDIELLA
ABD MANAN**

**ROHARRASHIDAH
ABDUL HALIL**

SHOUT!

diterbitkan oleh:

**Forum Pengguna Komunikasi dan
Multimedia Malaysia (CFM)**

Suruhanjaya Komunikasi &
Multimedia Malaysia (MCMC),

Off Persiaran Multimedia,
Jalan Impact,
63000 Cyberjaya, Selangor

03-8320 9033

03-8320 9083

www.consumerinfo.my
www.cfm.my



Muat turun
MY MOBILE RIGHTS



DICETAK OLEH

Ultimate Print Sdn. Bhd.
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor

KDN PP 17752/11/2013 (033132)

KANDUNGAN

DIGIT 3

Telefon cepat panas? Lakukan tip kami cadangkan untuk mengelak daripada sebarang bahaya

PAUTAN 4

Berita ringkas mengenai apa yang berlaku di Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM)

MEDIA SOSIAL 6

Panduan lengkap untuk membina jenama diri

TOP GEAR 7

Jadikan kehidupan moden anda ke tahap yang baharu dengan mendapatkan aksesori-aksesori telefon pintar ini

INTERAKSI 8

AZRAN OSMAN RANI

Anda perlukan inspirasi? Semuanya di dalam temu bual kami bersama Azran Osman Rani

ISU BULETIN 10

Lindungi wang anda daripada aktiviti penipuan akaun telefon pintar

SUARA NGO 11

Adakah komunikasi dan multimedia menjadi keperluan asas hidup anda?

ZON APP 12

Menjalani kehidupan di tanah air Malaysia sesuatu yang indah – dan aplikasi-aplikasi tempatan ini akan menjadikannya lebih baik

DIGITAL 13

Media sosial sangat luar biasa, namun ia tidak menentukan kehidupan sebenar anda. Baca pandangan kami tentang FOMO

MOBILITI 14

PERKHIDMATAN KANDUNGAN TIDAK DILANGGAN

Gangguan perkhidmatan kandungan yang tidak dilanggan adakala menjengkelkan. Ketahui cara menghentikan SMS ini

TUTORIAL 16

Perisian tambahan di Google Chrome yang menjadikan pengalaman melayari internet lebih lancar

5 LANGKAH MENCEGAH TELEFON ANDA DARI TERLEBIH PANAS

Berita mengenai telefon bimbit atau peranti elektronik meletup bukan lagi sesuatu yang pelik. Oleh kerana kehidupan kita semakin bergantung pada alat-alat canggih ini, sangat penting untuk kita mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak sebarang kecelakaan berlaku. Langkah-langkah keselamatan yang perlu dilakukan bukan hanya mengelak menggunakan telefon bimbit di stesen minyak atau ketika sedang mengecas. Amalkan langkah-langkah ini kerana ia mungkin dapat menyelamatkan kita di kemudian hari.

ELAKKAN DARIPADA CAHAYA MATAHARI

Berswafoto di tepi pantai pasti menyeronokkan. Tetapi anda perlu ingat bahawa suhu dalaman telefon pintar berkait rapat dengan suhu persekitaran. Telefon anda berkebolehan menyerap cahaya dan haba daripada matahari. Namun, semakin lama telefon anda terdedah pada sinaran matahari, semakin tinggi risiko ia menjadi panas. Sehebat mana pun telefon anda, ia tidak sekuat sinar matahari jadi jauhi daripadanya adalah cara termudah untuk mencegah telefon anda daripada panas berlebihan.



GUNAKAN PENGECAS ORIGINAL

Alat elektronik palsu menyumbang kepada risiko besar. Sentiasa gunakan pengecas dan bateri yang *original* daripada pengeluar asal. Ia bukan hanya memastikan telefon pintar anda berfungsi lebih baik dan lebih lama, tetapi ia juga boleh melindungi anda, peranti elektronik yang lain dan orang di sekeliling anda kerana barang elektronik yang asli telah diuji dan disahkan selamat sebelum dipasarkan ke kedai.

KEMAS KINI PERISIAN DAN APLIKASI ANDA

Mengemas kini aplikasi di telefon pintar dapat membantu telefon anda dari segi kecekapannya. Ia bertindak memperbetulkan sebarang kelemahan yang wujud sebelumnya dan dapat meningkatkan prestasi telefon pintar anda. Kadang kala, *malware* (perisian hasad) adalah punca haba berlebihan pada telefon anda. Oleh itu, sentiasa pastikan perisian yang anda gunakan adalah yang terkini supaya dapat melindungi telefon anda daripada sebarang *malware*. Dengan mengemas kini aplikasi, ia dapat memastikan kelancaran operasi telefon anda.



BIARKAN TELEFON ANDA 'BERNAFAS'

Telefon pintar akan menjadi lebih panas daripada biasa ketika ia dicas, jadi adalah lebih baik untuk anda mencabut bekas pelindung telefon anda kerana bekas pelindung telefon menghadkan pelepasan haba semasa mengecas. Selain itu, jika anda mempunyai kebiasaan meninggalkan telefon pintar di bawah bantal, tinggalkan tabiat itu kerana ia boleh menyebabkan telefon pintar menjadi panas berlebihan dan boleh mengundang kepada berlakunya kebakaran. Cas telefon anda di dalam bilik yang mempunyai pengudaraan yang baik dan elakkan daripada menggunakan telefon semasa mengecas.



JANGAN BIARKAN TELEFON ANDA 'BEKERJA KERAS'

Tutup aplikasi yang tidak digunakan pada telefon pintar anda. Apabila aplikasi tidak ditutup dan masih berjalan, ia menjadi punca bateri telefon anda cepat habis dan telefon anda perlahan-lahan akan menjadi panas. Tutup perkhidmatan lokasi, *Bluetooth* dan *Wi-Fi* apabila tidak digunakan. Menurunkan kadar kecerahan telefon anda juga merupakan idea yang baik atau lebih baik lagi dapatkan pelindung skrin anti-silau. Dengan cara ini, anda dapat menggunakan telefon anda di bawah sinar matahari tanpa sebarang masalah.



PROGRAM DAN AKTIVITI CFM BERSAMA PENGGUNA



CFM BERCAKAP MENGENAI KUALITI LIPUTAN INTERNET MALAYSIA DI NTV7 9 Februari 2018 | Cyberjaya

Dalam sebuah temubual bersama Edisi 7 NTV7, Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin membantu untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan CFM dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan telekomunikasi dalam kalangan pengguna di Malaysia. Beliau turut menyebut berkenaan beberapa aduan yang diterima daripada pengguna internet jalur lebar di samping masalah yang biasa dihadapi oleh pengguna. Selain itu, CFM juga telah berkongsi beberapa tips tentang bagaimana untuk melanggan servis jalur lebar yang tepat daripada mana-mana penyedia perkhidmatan. Temu bual tersebut juga telah diulang tayang di Berita TV9 pada 27 Februari 2018.



SESI PERKONGSIAN INFORMATIF BERSAMA 200 AHLI KOSMET 1 Mac 2018 | Wisma Yayasan Terengganu, Kampung Baru, Kuala Lumpur

Sesi perkongsian selama satu jam bersama ahli-ahli Persatuan Komuniti Industri Kecil dan Sederhana Terengganu Diperantauan (KOSMET) memberi peluang kepada CFM untuk menerangkan lebih lanjut mengenai industri komunikasi dan multimedia. Perkongsian itu telah disampaikan oleh Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff, dan beliau telah berkongsi tentang peranan dan tanggungjawab CFM serta mengingatkan hadirin tentang hak mereka sebagai pengguna. Sesi perkongsian informatif itu merupakan sebahagian daripada program "Jom Nege & Hak Pengguna" yang dianjurkan oleh KOSMET. Mantan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Razi Haji Abdul Rahman turut hadir ke program tersebut.

CFM SAMPAIKAN PERKONGSIAN INFORMATIF DI KPDNKK 15 Mac 2018 | Putrajaya

CFM telah dijemput ke "Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia 2018: *Making Digital Marketplaces Fairer*" anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menyampaikan sesi perkongsian.

Sesi perkongsian tersebut telah disampaikan oleh Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin di hadapan 400 penonton daripada Gerakan Pengguna Siswa, Penyelaras Pengguna Parlimen, *Friends of KPDNKK* dan juga orang awam. Beliau memaklumkan kepada hadirin mengenai peranan dan tanggungjawab CFM dan berkongsi tip komunikasi dan multimedia yang berguna yang dapat memudahkan kehidupan seharian pengguna.

LAWATAN CFM KE JAPEN LABUAN DAN BERSIARAN SECARA LANGSUNG DI LABUAN FM 3 Mac 2018 | Wilayah Persekutuan Labuan



CFM berkunjung ke Jabatan Penerangan (JAPEN) Labuan untuk berkongsi tentang peranan dan tanggungjawab CFM kepada kakitangan-kakitangan JAPEN Labuan. Perjumpaan itu juga diadakan bertujuan untuk menjalankan kerjasama agar lebih banyak program kesedaran dapat dilaksanakan bersama komuniti pengguna di Labuan.

Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin dan Pengurus Jabatan Komunikasi dan Perhubungan Awam CFM, Noor Shahdiella Abd Manan telah mewakili CFM untuk bertemu dengan Pengarah JAPEN Labuan, Azman Sipan dan juga kakitangan JAPEN.

Selepas perjumpaan tersebut, CFM sempat ditemubual pihak media dan wakil akhbar di Labuan. Antara media yang hadir ialah See Hua Daily dan New Sabah Times.

CFM juga menghadiri temu bual secara langsung bersama Labuan FM pada pukul 4.00 petang hingga 4.30 petang. Semasa temu bual tersebut, Ahmad Izham Khairuddin telah menyentuh beberapa topik penting seperti peranan dan tanggungjawab CFM dan bagaimana CFM boleh membantu pengguna dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan telekomunikasi.



KUNJUNGAN CFM KE KPDNKK SABAH 16 Mac 2018 | Kota Kinabalu, Sabah

CFM dan pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) di Sabah telah berbincang mengenai kolaborasi untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti kesedaran kepada pengguna di Sabah. Sewaktu perjumpaan tersebut, Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff memberi penerangan tentang peranan CFM dan isu-isu berkaitan pengguna yang dikendalikan CFM. Tuan Haji AG Hamidun Pg Tahir dan kakitangan-kakitangan KPDNKK Sabah telah menyambut kehadiran CFM pada hari tersebut.

TEMU BUAL RADIO BERSAMA KUPI-KUPI FM 16 Mac 2018 | Kota Kinabalu, Sabah



Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff memberi penjelasan kepada pendengar-pendengar Sabah berkenaan isu telekomunikasi yang biasa diterima oleh CFM dan bagaimana CFM boleh membantu menyelesaikannya. Beliau turut mempromosikan program CFM iaitu "Gags & Coffee" yang diadakan di Kota Kinabalu pada 17 Mac 2018 dan mengalu-alukan komuniti tempatan untuk menyertai program tersebut. Slot temu bual bersama Kupi-Kupi FM itu telah berlangsung dari pukul 3.00 petang hingga 4.00 petang dan telah ke udara untuk pendengar-pendengar Sabah daripada pelbagai latar belakang.

CFM KONGSI TIP BERGUNA KEPADA PENDENGAR KK12FM 16 Mac 2018 | Kota Kinabalu, Sabah



Di dalam sebuah slot selama satu jam iaitu "Reality Bites" bersama DJ Amy D, CFM telah bercakap mengenai isu-isu berkaitan telekomunikasi yang sering dilaporkan pengguna. Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff telah berkongsi tip-tip untuk menyelesaikan masalah telekomunikasi dan bagaimana pengguna boleh membuat aduan kepada CFM jika ada sebarang isu berkaitan perkhidmatan komunikasi dan multimedia.

PAUTAN

CFM MENDEKATI LEBIH RAMAI PENDENGAR SABAH MELALUI SABAH FM 17 Mac 2018 | Kota Kinabalu, Sabah

Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff telah menghadiri sesi temu bual bersama Sabah FM yang telah bersiaran secara langsung dari Padang Merdeka, Kota Kinabalu untuk mempromosikan program "Gags & Coffee". Program itu telah dianjurkan di lokasi yang sama pada sebelah malam. Dalam temu bual yang berlangsung dari jam 9.15 pagi hingga 9.45 pagi tersebut, beliau turut memberikan kesedaran dan kefahaman tentang peranan CFM dan berkongsi tip-tip berguna kepada pendengar.

CFM GAGS & COFFEE MENGHIBURKAN PENGUNA-PENGUNA DI SABAH 17 Mac 2018 | Padang Merdeka, Kota Kinabalu



CFM telah mempersembahkan "CFM Gags and Coffee: Sketsa Pengguna Bijak" di Padang Merdeka untuk berkongsi maklumat berkenaan isu-isu telekomunikasi yang dihadapi pengguna di Sabah.

Program ini menjadi platform kepada pengguna untuk memahami peranan dan tanggungjawab CFM. CFM mengambil peluang tersebut untuk berkongsi informasi berguna berkenaan perkhidmatan telekomunikasi yang diperlukan supaya pengguna dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dan cabaran teknologi media di dalam industri.

Menggunakan pendekatan baharu dalam cara penyampaian Sesi Perkongsian Ilmu Industri (KSS), CFM membawakan mesej-mesej secara lawak dan komedi yang telah disampaikan oleh Mad Sabah dan AG Hafiz mengenai masalah yang sering dihadapi oleh pengguna di Sabah, seperti "Tiada Liputan, Kelajuan Internet, Talian Terputus, Caj perayauan, dan Gangguan TV Berbayar."

Program selama satu jam tersebut telah berlangsung dari jam 6.30 petang hingga 7.30 petang. AG Hafiz dan Mad Sabah juga mengadakan sesi kuiz bersama penonton untuk menguji pemahaman mereka sepanjang sesi perkongsian. Orang awam yang berjaya memberikan jawapan yang betul telah mendapat hadiah barangan tajaan CFM.

CFM BERKUNJUNG KE ASTRO AWANI 8 Jun 2018 | Kuala Lumpur



Buat pertama kalinya, CFM mengadakan lawatan media ke Astro Awani untuk memupuk hubungan yang lebih erat bersama dengan wartawan-wartawan dan editor-editor selain bertujuan untuk menyatakan penghargaan di atas sokongan dan liputan media yang diberikan kepada CFM.

Penerbit Astro AWANI, Syed Farradino Omar telah membawa ahli sekretariat CFM untuk melihat studio berita beroperasi dan CFM turut berpeluang bertemu dengan Ketua Pegawai Eksekutif Astro AWANI, Suhaimi Sulaiman.

Maskot CFM, Fillo telah bersama-sama mengedarkan pek juadah berbuka puasa kepada pasukan Astro Awani sewaktu kunjungan tersebut.



CFM ADAKAN SESI PERKONGSIAN INFORMATIF DI KKMM 27 Mac 2018 | Putajaya

CFM telah dijemput untuk menjayakan sebuah sesi perkongsian di program "Bicara Ilmu: CFM Pocket Talk" anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM). Perkongsian telah disampaikan oleh Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin di hadapan kira-kira 50 kakitangan KKMM. Beliau telah menerangkan tentang peranan dan tanggungjawab CFM dan berkongsi tip-tip berguna berkaitan komunikasi dan multimedia yang berkait dengan kehidupan seharian pengguna.

LAWATAN MEDIA CFM KE TV AL-HIJRAH 1 Jun 2018 | Kuala Lumpur



Aktiviti bersama media yang diadakan CFM dengan TV Al-Hijrah ini merupakan langkah untuk berhubung lebih dekat dengan editor, penerbit, dan kumpulan wartawan. Sewaktu kunjungan tersebut, CFM berkesempatan bertemu dengan penerbit-penerbit berita dan menyediakan makanan berbuka puasa kepada semua pasukan berita TV yang turut dimeriahkan dengan maskot CFM, Fillo.

Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin juga sempat ditemu bual oleh wartawan berita Al-Hijrah mengenai isu terkini dalam industri komunikasi dan multimedia yang melibatkan pengguna.

TEMU BUAL KHAS CFM BERSAMA BERNAMA 24 Mei 2018 | Cyberjaya

BERNAMA telah mengadakan temu bual khas bersama Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff untuk mendapatkan penjelasan mengenai faktor-faktor di dalam perkhidmatan telekomunikasi yang boleh menyebabkan pengguna disenaraikan di CTOS. Mohamad Yusrizal juga menyatakan tentang kesan yang boleh berlaku jika pengguna tersenarai di dalam CTOS dan memberi beberapa cadangan untuk mengelakkan daripada tersenarai.

LAWATAN MEDIA CFM KE NSTP 5 Jun 2018 | Kuala Lumpur



CFM melawat New Straits Times Press (NSTP) di Bangsar untuk berhubung lebih dekat dengan editor dan wartawan New Straits Times (NST), Berita Harian (BH) dan Harian Metro dari meja berita umum, meja rencana, meja teknologi dan gaya hidup. Lawatan tersebut adalah sebagai menghargai sokongan dan liputan media yang telah mereka berikan kepada CFM.

Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff turut mengambil peluang menjelaskan secara ringkas mengenai peranan CFM dalam industri komunikasi dan multimedia sewaktu sesi perjumpaan bersama editor-editor NSTP.

Selain itu, maskot CFM, Fillo telah bersama untuk memberikan juadah berbuka puasa kepada wartawan-wartawan dan editor-editor NSTP.

LAWATAN MEDIA CFM KE UTUSAN MALAYSIA & KOSMO 7 Jun 2018 | Kuala Lumpur



CFM telah mengatur perjumpaan dengan editor-editor dan wartawan-wartawan Utusan Malaysia dan Kosmo yang selama ini telah memberi sokongan dan liputan media kepada CFM. Maskot CFM, Fillo telah bersama-sama memberikan pek juadah berbuka puasa kepada staf Utusan Malaysia dan Kosmo semasa lawatan tersebut. CFM juga sempat memberikan penerangan ringkas kepada wartawan-wartawan tentang peranan CFM dan isu semasa berkaitan pengguna komunikasi dan multimedia.

MEMBINA JENAMA DIRI DI MEDIA SOSIAL

Seperti yang dikatakan oleh pengasas *Amazon*, Jeff Bezos, “Penjenamaan adalah apa yang orang katakan tentang anda apabila anda tidak berada di sisi mereka.” Penjenamaan diri di media sosial adalah antara cara terbaik untuk mempamerkan diri anda dengan berkesan. Tidak kira sama ada anda baru sahaja bekerja atau berjaya dalam bidang profesional. Keterampilan yang menarik dan mengagumkan di media sosial dapat menarik minat bakal majikan bagi yang sedang mencari pekerjaan dan dapat mengembangkan lagi rangkaian bagi golongan profesional. Malahan peluang pekerjaan yang lebih baik juga bakal menanti mereka yang sentiasa mengikuti perkembangan semasa di laman digital. Sekiranya anda ingin membina imej kukuh di media sosial, berikut adalah beberapa tips untuk anda.



KENAL PASTI TUJUAN ANDA

Mulakan dengan memilih platform media sosial yang bersesuaian dengan kepakaran anda. Jika anda ingin mempamerkan karya fotografi, Instagram adalah akaun yang harus anda berikan lebih tumpuan. Jika anda lebih berminat kepada penulisan blog secara mikro, maka anda boleh fokus pada Twitter. Jika anda mahir dalam berkongsi hal berkaitan industri, pertimbangkan untuk memiliki akaun LinkedIn. Menyiarkan kandungan relevan dengan bidang anda di platform yang sesuai adalah cara terbaik untuk menarik lebih banyak penonton ke halaman anda. Cara perkongsian anda harus tersusun supaya pengikut anda dapat mengetahui objektif anda sebaik sahaja nama anda dipaparkan.

CARI KUMPULAN RAKAN ANDA

Sekiranya anda cuba untuk mencapai semua orang, anda mungkin berakhir dengan tidak menarik perhatian sesiapa pun. Anda harus memberi pengaruh kepada pengikut setia anda. Katakan anda sedang mencari pekerjaan dalam industri perbankan, mula berhubung dengan orang yang berkaitan dan mula berkongsi catatan dan pengetahuan yang relevan. Begitu juga jika anda minat dengan aktiviti mendaki, rakan-rakan pendaki atau peminat bukit dan gunung pasti akan menjadi kumpulan sasaran anda. Apabila anda sudah memiliki nama yang kukuh dalam bidang anda, ia lebih mudah untuk menarik lebih ramai orang untuk mengikuti anda.



PAPARKAN VISUAL YANG MENARIK

Gambar profil menceritakan beberapa perkara mengenai seseorang. Jika anda benar-benar teliti berkenaan imej anda di media sosial, upah jurugambar untuk mengambil gambar anda. Di dalam dunia maya, amat sukar untuk mendapatkan perhatian namun jika anda berhasil menarik perhatian orang terhadap anda, anda pastinya bertuah. Anda mungkin juga ingin mempertimbangkan untuk mendapatkan khidmat jurusemak untuk mencantikkan ayat anda dan memastikan kandungan yang anda hasilkan berkualiti.



KEKAL KONSISTEN DAN POSITIF

Anda tidak boleh membiarkan media sosial anda senyap hingga sebulan lamanya dan meninggalkan pengikut anda tanpa berita. Begitu juga tidak disarankan untuk anda berkongsi terlalu banyak siaran atau cerita di media sosial dalam sehari sehingga orang menganggap anda menjengkelkan. Konsisten pada jadual siaran anda dan kekal dengan bidang utama anda. Jika anda ingin mempamerkan bakat anda yang lain, anda boleh memperkenalkannya secara berperingkat dan perlahan-lahan. Selain itu, sikap positif juga penting sepanjang anda mengendalikannya. Tidak dapat dinafikan bahawa anda tidak boleh selama-lamanya melarikan diri daripada ejekan dan kecaman di media sosial. Anda harus fokus dalam memastikan interaksi di akaun anda menyenangkan dan mengamalkan sikap toleransi. Anda harus bersabar dan bercakap dengan baik. Siapa tahu anda mungkin berhubung dengan orang yang memberi lebih inspirasi dan mempunyai ciri-ciri positif yang sama.

AKSESORI TELEFON PINTAR MENARIK DAN LUAR BIASA YANG ANDA BOLEH BELI SEKARANG

Telefon pintar telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan kita kerana ia membantu kita mengurus dan berinteraksi dengan urusan penting, mendapatkan maklumat selain untuk terus kekal berhubung.

Walaupun kebanyakan telefon pintar yang terdapat di pasaran sudah mampu berfungsi dengan ciri-cirinya tersendiri, aksesori yang luar biasa dan menarik ini dapat menambahkan keupayaan telefon pintar anda dengan cara baru yang menyeronokkan. Berikut adalah pilihan utama SHOUT! untuk aksesori telefon pintar yang luar biasa dan menarik yang anda boleh beli sekarang.

SET LENSA TELEFON PINTAR OPTIC PRO 3-IN-1

<https://goo.gl/L8YyGK>

Bagi penggemar foto yang inginkan sedikit kelainan pada gambar hasil daripada kamera telefon pintar, boleh memilih alat kanta klip yang agak menarik dari *Aukey* yang mempunyai lensa *fisheye* sebanyak 198°, lensa sudut lebar 150° dan kanta makro 15x. Ia akan memberi hasil gambar dari sudut berbeza menggunakan kamera telefon pintar untuk mengambil gambar pemandangan epik, gambar makanan jarak dekat dan sebagainya. Klip lensanya boleh dipasang pada hampir semua jenis telefon pintar dan membolehkan anda memperluas keupayaan kamera telefon pintar anda.



PAD PENGECAS TANPA WAYAR BELKIN

<http://www.belkin.com/us/p/P-F8M744/>

Memiliki bentuk seperti bola hoki leper, *Belkin Wireless Charging Pad* membolehkan anda menghantar cas ke telefon yang dilengkapi dengan teknologi pengecasan tanpa wayar. Ia juga menyokong sistem *Qi* dan juga *PMA-enabled* jadi ia seharusnya dapat berfungsi untuk kebanyakan jenama telefon pintar. Anda hanya perlu meletakkan telefon anda dengan kemas di atas platformnya dan ia akan dicas serta-merta tanpa anda perlu menyambung telefon ke kabel atau apa sahaja sambungan. Teknologi ini memang sangat memudahkan dan ia dapat mengurangkan kekerapan penggunaan dan kerosakan pada port cas dan kabel. Alat pengecas ini juga diperbuat daripada bahan yang tinggi geseran untuk memastikan telefon anda tidak mudah jatuh ke lantai.



PENGAWAL MUDAH ALIH MAKIYO MINI MOBILE PHONE SMART IR

<https://bit.ly/2M0BZK8>

Pengawal inframerah universal yang kompak dan kecil ini membolehkan anda mengubah suai iPhone untuk bertindak sebagai alat kawalan jauh inframerah dan ia berupaya mengawal pelbagai peralatan rumah. Ia merupakan unit yang kecil dan terdapat dalam pelbagai warna yang berbeza. Ia agak mudah digunakan kerana ia boleh terus dipasang di port audio bersaiz 3.5mm. Anda juga perlu memuat turun aplikasi berkaitan untuk membolehkannya berfungsi tetapi kebanyakan cara penggunaan aplikasinya agak ringkas. Jarak yang boleh dicapai oleh kawalan inframerah ini mungkin berbeza bergantung kepada jenis peralatan rumah yang anda gunakan.



JABRA ELITE 65T

<https://www.apac.jabra.com/bluetooth-headsets/jabra-elite-65t>



Fon telinga *Bluetooth* tanpa wayar ini membolehkan anda membuat panggilan sambil mendengar muzik dengan kejelasan audio yang menakjubkan. Fon telinga *Elite 65t* menawarkan penggunaan selama lima jam dan anda boleh meletakkannya semula ke dalam dok bersaiz kotak mancis yang berupaya menambah sepuluh jam untuk jangka hayat bateri dengan mudah.

Ditambah dengan kualiti rekaan yang kukuh beserta kalis air dan debu (*IP55-rated*) menjadikan ia salah satu set fon telinga tanpa wayar terbaik yang anda boleh dapatkan dengan harga berpatutan.

PAPAN KEKUNCI BLUETOOTH LOGITECH K380

<https://www.logitech.com/en-my/mobile/keyboards>

Skrin sentuh telefon pintar anda direka sesuai untuk menaip teks yang pendek. Namun ia kurang sesuai jika anda mempunyai e-mel panjang yang perlu ditaip atau anda ingin menulis karya agung anda yang seterusnya. Papan kekunci tanpa wayar ini boleh berhubung dan beralih kepada tiga peranti dalam satu masa dan ia dilengkapi dengan butang tekan kekunci bersaiz penuh yang membolehkan anda menaip dengan selesa. Menariknya lagi, papan kekunci ini mudah alih dan ringan, menjadikannya sesuai untuk dibawa ke mana sahaja terutamanya jika anda perlu menyiapkan kerja di mana sahaja.



ALAT IMBAS DIAGNOSTIK BLUETOOTH OBD2

<https://goo.gl/yqavjF>



Sekiranya anda berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai butiran praktikal asas tentang apa yang sedang berlaku pada kenderaan anda, alat diagnostik luar biasa ini boleh dihubungkan ke port OBD2 kenderaan anda dan anda boleh membaca pelbagai kod diagnostik kritikal berkaitan kenderaan anda. Kod-kod ini disalurkan ke telefon pintar anda melalui aplikasi yang telah dipasangkan dan memberitahu anda beberapa perkara penting berkenaan

enjin RPM, suhu penyejukan semasa, kelajuan kenderaan, status bahan api, tekanan *intake manifold* dan banyak lagi. Ia menjadikannya sebuah alat yang sangat berharga bagi setiap orang sama ada dari pakar membaiki kenderaan sehinggalah pemandu biasa yang dapat membantu untuk mengetahui lebih lanjut mengenai apa yang sebenarnya berlaku di dalam kenderaan anda yang tidak kelihatan. Terdapat juga aplikasi lain yang boleh membantu anda menjadi pemandu yang cekap apabila ia dipasangkan dengan peranti ini.

SEMBANG SANTAI BERSAMA

AZRAN

OSMAN RANI

CEO NALURI HIDUP

Berpengalaman mengendalikan pelbagai organisasi terkemuka dalam negara, Azran Osman Rani, yang juga merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) iflix Malaysia dan kini sebagai CEO Naluri Hidup – sebuah perniagaan permulaan (*startup*) berkaitan kesihatan-teknologi, menunjukkan semangat bangkit dan terus ke hadapan yang telah membentuk pencapaiannya yang luar biasa.

1. **Bagaimana anda memulakan kerjaya anda di dalam industri Telco/Komunikasi & Multimedia?**

Saya tidak menganggap diri saya sebagai sebahagian daripada industri telekomunikasi atau penyiaran dan multimedia. Saya sudah bekerja di pelbagai industri, daripada industri penerbangan hingga ke industri teknologi juga di industri kuasa; jadi saya menganggap diri saya seorang yang berkebolehan untuk bekerja di pelbagai industri.

2. **Apakah cabaran terbesar yang anda pernah hadapi dalam kerjaya dan bagaimana anda mengatasinya?**

Saya telah melalui pelbagai cabaran. Saya tidak pasti yang mana satu yang paling meninggalkan kesan, tetapi saya telah terpaksa mengendalikan penggulungan sebuah syarikat – melepaskan 450 orang yang telah saya yakinkan untuk menyertai syarikat baharu tersebut dalam satu ke dua tahun yang lepas, dan disebabkan pertikaian pihak berkepentingan, kami terpaksa menghentikan semuanya, jadi ia amat menyakitkan. Cabaran lain ialah usaha untuk membina perniagaan syarikat penerbangan dari permulaan tetapi pada ketika itu semua orang mengatakan ia adalah sesuatu yang mustahil untuk dilakukannya sebelum ini. Kami terpaksa menghadapi pelbagai cabaran termasuklah cabaran harga bahan bakar api yang menyebabkan 50 syarikat penerbangan muflis pada tahun 2008 selain bencana alam dan bencana nuklear di Jepun. Jadi itu antara pelbagai cabaran yang menguji saya.



INTERAKSI

3. Apakah perkara yang terbaik mengenai kerjaya anda dan apakah perkara yang paling teruk?

Perkara yang saya paling gembira lakukan ialah dapat mencari dan mengenal pasti bakat-bakat muda dan mewujudkan peluang untuk mereka berkembang dengan lebih pantas. Itu mungkin adalah pencapaian terbesar – untuk melihat ramai orang yang telah berkembang melakukan perkara yang hebat dalam kerjaya mereka dan saya berpeluang untuk memainkan peranan kecil dalam kejayaan tersebut.

Perkara yang paling teruk? Kadangkala kita bertemu dan berurusan dengan orang yang mempunyai helah dan tipu muslihat di depan kita. Jadi itu sesuatu yang tidak pernah menyenangkan.

4. Apakah detik terbaik dalam hidup anda?

Kelahiran ketiga-tiga anak lelaki saya.

5. Setiap pagi, anda akan...

Setiap pagi saya akan mulakan dengan minum segelas air suam dengan limau atau jus limau pada pukul 5 pagi. Pada pukul 6 pagi, saya akan mulakan latihan saya sama ada ia hari untuk berbasikal, hari larian atau hari berenang – yang juga adalah sebahagian aturan latihan sukan triathlon saya.

6. Tempat yang paling anda sukai? Kenapa?

Saya suka Kota Kinabalu. Saya rasa ia adalah tempat yang luar biasa dengan lautannya yang indah, hutan hujan yang menakjubkan, budaya dan makanan laut yang terbaik. Tempat lain di dunia yang saya benar-benar seronok nikmati ialah San Francisco, Istanbul dan Melbourne.

7. “Mantera” hidup anda...?

Saya tidak mempunyainya tetapi jika saya perlu tampil dengan sesuatu, ia adalah – sentiasa jadi seorang yang ada sifat ingin tahu dan lakukan perkara yang anda tidak pernah lakukan sebelum ini. Keluar daripada zon selesa anda.

8. Untuk terus bermotivasi, anda...

Saya seorang yang didorong dengan matlamat. Sebagai contoh, dalam sukan lasak triathlon, saya mengukur semua statistik saya, data saya, kadar degupan jantung, kuasa, kualiti tidur, makanan, berat badan dan saya tetapkan matlamat yang sangat spesifik dengan rancangan latihan yang amat jelas. Saya fikir kita juga sepatutnya menggunakan falsafah tersebut dalam cara kita menjalankan operasi organisasi kita.

9. Filem kegemaran anda sepanjang masa?

Empire Strikes Back.

10. Anda malu untuk mengaku yang anda menonton drama TV/filem itu, tetapi anda menontonnya...

Goblin.

“Perkara yang saya paling gembira lakukan ialah dapat mencari dan mengenal pasti bakat-bakat muda dan mewujudkan peluang untuk mereka berkembang dengan lebih pantas.”

- AZRAN OSMAN RANI -

11. Tiga perkara yang anda tidak boleh hidup tanpanya...

Jam pintar Garmin saya, kerana ia menyimpan data latihan saya; isteri saya, dan dia pasti sedih kerana dia menjadi pilihan nombor 2, tetapi isteri saya menjadi kekuatan hidup saya, menjadikan saya stabil dan seimbang; dan tentu sekali yang ketiga adalah tiga anak lelaki saya.

12. Jika anda dapat kembali semula ke masa silam, apakah yang anda akan katakan kepada diri anda pada usia 17 tahun?

Sebenarnya saya tidak pasti yang saya akan beri pesanan yang banyak kerana saya fikir semasa saya berusia 17 tahun adalah saat yang benar-benar seronok untuk saya terokai dunia dan saya tidak akan mahu mempengaruhi diri saya ketika itu, biarkan dia meneroka tempat baharu, orang baharu, dan peluang baharu.

13. Jika anda mampu mempunyai *super power*, anda ingin menjadi...

Kuasa boleh membaca fikiran orang. Ia tentu hebat untuk tahu fikiran orang dan tahu daripada mana asal mereka dengan harapan dapat merapatkan jurang.

14. Jika anda boleh mengubah sesuatu di dunia ini, ia pasti tentang...

Ia tentu untuk membasmi kemiskinan dan memberi peluang pendidikan untuk semua orang.

15. Telefon bimbit pertama anda ialah...

Telefon bimbit pertama saya ialah Ericsson 1995... tetapi saya sudah lupa nombor modelnya.

16. Anda peminat Android atau Apple?

Apple.

17. Aplikasi kegemaran anda yang mesti ada pada telefon pintar anda?

iflix.

18. Laman sosial media kegemaran anda?

Facebook.

19. Jika berpeluang membuat luahan di media sosial untuk sehari, anda akan katakan tentang...

Semua tentang latihan dan perlumbaan sukan triathlon saya.

20. Perkara pertama yang anda akan periksa di telefon pintar apabila bangun pagi?

Mesej, WhatsApp.

21. Telefon dengan kamera hebat atau telefon dengan bateri tahan lama? Mana satu jadi pilihan?

Telefon yang bateri tahan lama.

22. Permainan mudah alih terbaik yang pernah anda main?

Malangnya, saya tidak bermain permainan mudah alih, jadi saya tidak dapat berikan jawapan.

23. Untuk menghilangkan *stress*, anda akan...

Berlari.

PENIPUAN AKAUN TELEFON PINTAR

Telefon pintar anda kini berfungsi lebih daripada sekadar membuat panggilan dan membolehkan anda untuk mengetahui apa yang sedang berlaku di media sosial. Jika anda seorang pengguna telefon pintar yang cekap, pastinya anda akan mengambil kesempatan daripada kemudahan yang ditawarkan oleh banyak institusi perbankan dan peruncit dalam talian pada hari ini dan menggunakan telefon pintar anda untuk membayar bil, memesan barangan runcit dan menjalankan perniagaan lain secara atas talian. Semua aktiviti kewangan ini hakikatnya telah menjadikan telefon anda sebagai sasaran yang menguntungkan bagi penjenayah.

Setelah mendapati bahawa kerja mencuri telefon pada hari ini agak leceh, penjenayah yang lebih licik telah mencipta cara yang lebih hebat untuk mencuri wang anda secara terselindung tanpa menyentuh telefon anda. Inilah penipuan terbaharu yang berpotensi melenyapkan wang simpanan anda dalam beberapa minit sahaja – Penipuan akaun telefon pintar.

APAKAH ITU PENIPUAN AKAUN TELEFON PINTAR?

Penipuan akaun telefon pintar berlaku apabila penjenayah cuba mendapatkan akses ke akaun telefon pintar anda dengan menggunakan dokumen yang dipalsukan dan kemudian cuba menukar kad SIM anda kepada kad SIM baharu milik mereka. Dengan menggunakan cara yang berkesan, mereka akan menyekat anda daripada melakukan apa-apa perkhidmatan. Ramai mangsa tidak tahu apa yang berlaku sehinggalah mereka tiba-tiba tidak mempunyai liputan perkhidmatan di telefon mereka dan pada waktu itu segalanya mungkin sudah terlambat.

Dengan waktu yang singkat sahaja, segala panggilan, e-mel dan butiran lain akan berpindah ke kad SIM yang 'baharu'. Ia berpotensi untuk penjenayah mendapatkan akses ke e-mel, akaun perbankan, media sosial mangsa dan banyak lagi. Sebab utama penjenayah melakukan cara ini adalah untuk memintas protokol keselamatan 'two-factor authentication' (pengesahan dua-faktor).

Pengesahan dua-faktor ialah cara keselamatan yang telah dipertingkatkan di mana penyedia perkhidmatan menghantar kod 'one-time' yang unik melalui e-mel atau SMS ke telefon pintar anda yang kemudiannya boleh anda gunakan untuk log masuk bagi melakukan transaksi. Dengan 'merampas' nombor telefon anda, penjenayah boleh memintas pengesahan dua-faktor tersebut. Mereka juga boleh memindahkan wang keluar dari akaun anda dan menukar tetapan untuk melakukan lebih banyak cubaan penipuan di masa hadapan dengan menipu kenalan-kenalan anda, memohon pinjaman dan kad kredit, membeli barangan mahal dan banyak lagi!

BAGAIMANA CARA UNTUK MENGELAK DARIPADA PENIPUAN AKAUN TELEFON PINTAR?

Penipuan akaun telefon pintar merupakan gejala yang sangat bahaya kerana ia bukan sahaja mempunyai risiko untuk anda kehilangan wang tetapi juga membuat anda terdedah kepada bentuk penipuan yang lain. Berikut adalah beberapa langkah untuk memastikan anda tidak menjadi mangsa:



Muat turun aplikasi dari e-kedai aplikasi rasmi sahaja untuk meminimumkan kemungkinan serangan 'malware' (perisian hasad). Gunakan *Google Play* untuk *Android* dan *Apple App Store* untuk peranti *iOS* bagi memuat turun sebarang aplikasi.



Jangan lakukan transaksi perbankan, membeli-belah atau sebarang transaksi yang sensitif apabila menggunakan *Wi-Fi* awam percuma kerana ia membuka ruang buat penjenayah untuk mencuri kata laluan anda.



Berhati-hati apabila anda menerima e-mel atau panggilan telefon yang meminta anda memberikan butiran akaun atau meminta anda untuk mengklik pautan atau lampiran tertentu kerana laman web dan e-mel boleh dipalsukan dengan cara yang meyakinkan. Pergi ke laman web rasmi dan dapatkan pengesahan.



Jika sesiapa di rangkaian kenalan anda mula berkelakuan aneh seperti menghantar mesej kepada anda untuk mendapatkan maklumat peribadi atau wang anda, berhati-hatilah! Sindiket penipuan mungkin menyamar menjadi rakan anda dengan menggunakan akaun rakan anda yang telah digodam untuk mendapatkan data daripada anda.



Berhati-hati dengan orang yang membuat panggilan dan mendakwa sebagai pekerja bank atau pihak berkuasa kemudian meminta butiran akaun peribadi anda. Pihak berkuasa yang sah tidak memerlukan bantuan anda untuk mendapatkan semua maklumat tersebut.



Sebelum log masuk ke mana-mana laman web yang memerlukan data peribadi, semak terlebih dahulu dan pastikan laman web tersebut mempunyai ikon kunci tertutup di bahagian sudut laman sebelum anda meneruskan aktiviti seterusnya.



Beritahu bank anda untuk memaklumkan kepada anda jika berlaku transaksi yang luar dari kebiasaannya. Sekiranya telefon anda tidak berfungsi atau anda mengalami sebarang keanehan dalam pengebilan, hubungi khidmat pelanggan penyedia perkhidmatan anda dengan serta-merta.



Laburkan sedikit wang untuk mendapatkan sistem keselamatan *anti-spyware* dan anti-virus untuk PC dan telefon anda. Pastikan ia dikemaskini supaya dapat melawan *malware* yang cuba menyusup masuk ke peranti anda.

TELEKOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA SATU KEPERLUAN?

Oleh: MOHAMAD YUSRIZAL DATO' HJ YUSOFF
Ketua Aktivist, Persatuan Pengguna Kedah (CAKE)

Keperluan asas pada hari ini bukan sahaja melibatkan dari segi aspek kediaman, pakaian, pengangkutan malah telekomunikasi dan multimedia juga ditakrifkan sebagai keperluan asas bagi pengguna ekoran perkembangan pesat teknologi maklumat di serata dunia.

Kajian menunjukkan bahawa sebanyak 43.5 juta pengguna menggunakan perkhidmatan selular mudah alih manakala sebanyak 37.9 juta pengguna menggunakan perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara yang digunakan oleh pelbagai golongan termasuk remaja, dewasa dan warga emas. Melalui statistik yang dilaporkan pada suku pertama 2018 ini menunjukkan bahawa kita amat memerlukan talian komunikasi dan teknologi untuk terus kekal berhubung. Kemudahan teknologi komunikasi dan multimedia yang tidak terhad ini juga dapat digunakan dalam banyak perkara bagi memenuhi keperluan hidup seperti membuat tempahan makanan dan pengangkutan, membuat bayaran bil, serta membeli barang-barang secara atas talian.

TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA ASAS KEHIDUPAN

Kita sudah tidak dapat lari daripada penggunaan teknologi komunikasi dalam kehidupan. Ia wujud dalam pelbagai bentuk mengikut keperluan pengguna. Bagi para peniaga, kecanggihan teknologi hari ini memudahkan golongan peniaga untuk mencari pelanggan dan dapat mengembangkan perniagaannya ke tempat lain sehingga ke luar negara. Bagi pelajar pula, mereka menggunakan teknologi maklumat bagi tujuan pembelajaran dan ada yang menggunakan medium panggilan video seperti *Skype* untuk melakukan perbincangan dan tidak memerlukan mereka hadir secara fizikal jika ingin melakukan aktiviti berkumpulan.

Kewujudan pelbagai aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *WhatsApp*, *WeChat*, *Line* ini juga memberi kemudahan untuk kita berhubung dengan orang lain walaupun ia sedikit sebanyak sudah mempengaruhi kehidupan sosial rakyat Malaysia.

KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MEMENUHI KEPERLUAN SEKTOR LAIN

Memahami teknologi komunikasi dan multimedia adalah satu keperluan, pelbagai pihak telah melakukan usaha untuk membangunkan teknologi komunikasi dan multimedia agar urusan dapat dijalankan dengan pantas, cekap dan telus. Agensi-agensi kerajaan telah memperkenalkan pelbagai urusan melalui atas talian (*online*) bagi memastikan urusan pelanggan dapat diuruskan dengan lebih cepat. Contohnya, TNB telah memperkenalkan portal layan diri iaitu *myTNB* pada tahun 2017 untuk memudahkan pengguna menyemak penggunaan elektrik mereka, membuat bayaran bil dan sebagainya. Dengan kemudahan yang disediakan seperti ini, ramai pengguna yang menggunakan portal tersebut untuk membayar bil secara atas talian sekaligus menjadikan bayaran bil secara fizikal di kaunter TNB berkurang.

Bank dan institusi kewangan juga menggalakkan pengguna untuk melakukan pembayaran atas talian dan urusan tanpa tunai (*cashless*) dengan memperkenalkan sistem *E-money* untuk mencapai hasrat ini. Inisiatif ini disambut baik oleh institusi kewangan bukan bank (*non-bank*) yang lain seperti *Touch 'n Go* dan *AEON Credit*. Melalui sistem ini, pengguna boleh memindahkan wang dari satu akaun ke akaun yang lain, membayar pinjaman dan menyemak baki serta melakukan urusan lain tanpa perlu pergi ke kaunter bank yang lebih menjimatkan masa dan tenaga.

Antara bank dan institusi kewangan bukan bank yang telah memperkenalkan sistem *E-money* ini ialah seperti berikut:

BANK	BUKAN BANK
Alliance Bank Malaysia Berhad	AEON Credit Services Berhad
AmBank (M) Berhad	Bandar Utama City Centre Sdn Bhd
Bank of China (M) Berhad	Celcom Multimedia (Malaysia) Sdn Bhd
Malayan Banking Berhad	Chevron Malaysia Limited
CIMB Bank Berhad	Com2u Sdn Bhd
RHB Bank Berhad	Touch n' Go Sdn Bhd
	Tune Money Sdn Bhd

Teknologi juga telah merubah industri pemakanan yang menjadikan penghantaran dan tempahan makanan lebih mudah. Banyak aplikasi tempahan makanan yang telah diperkenalkan dan juga menyediakan perkhidmatan penghantaran makanan seperti *Food Express2u*, *Foodpanda*, *GrabFood*, *HotPot Master Delivery* dan banyak lagi. Perkhidmatan ini disediakan kerana dapat memenuhi keperluan pengguna terutama sekali bagi mereka yang sibuk dengan urusan harian dan tidak mempunyai masa untuk keluar membeli atau menyediakan makanan. Sistem pembayaran melalui perkhidmatan ini juga amat mudah untuk pengguna.

Melihat kepada pelbagai situasi yang kita hadapi pada masa ini, teknologi komunikasi dan multimedia sudah menjadi keperluan buat pengguna dan memudahkan urusan kita. Telefon pintar yang kita miliki boleh melakukan pelbagai perkara namun, kita perlu menggunakannya secara berhemah dan bijak agar tidak membawa kemudaratan.

APLIKASI PENTING YANG PERLU ADA PADA TELEFON PINTAR RAKYAT MALAYSIA

Terdapat beribu-ribu aplikasi yang boleh dimuat turun dan beberapa pilihan aplikasi tempatan yang diperlukan untuk mereka yang berada di tanah Malaysia. Berikut adalah antara pilihan aplikasi penting yang perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia di telefon pintar mereka. Aplikasi ini berfungsi untuk kedua-dua platform Android dan iOS.



MY MOBILE RIGHTS

Aplikasi rasmi Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) merupakan aplikasi tambahan yang penting bagi rakyat Malaysia dan mereka yang bermastautin di sini. Aplikasi ini membantu anda menentukan pelan mudah alih dan jalur lebar terbaik dan bertindak sebagai pemudah cara untuk membuat aduan mengenai penyedia perkhidmatan dan juga menawarkan bahan bacaan penting mengenai perkembangan terkini, isu dan berita dalam bidang berkenaan.



EPF i-AKAUN

Sekiranya anda mempunyai akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), anda akan mendapati aplikasi ini sangat berguna kerana ia memberikan akses mudah dan segera ke status akaun anda. Susun atur aplikasi yang kemas membolehkan anda melihat maklumat penting termasuk kelayakan untuk sebarang pengeluaran daripada akaun KWSP dengan mudah. Anda juga boleh menggunakannya untuk mencari pejabat KWSP terdekat jika anda memerlukan perkhidmatan di kaunter.



MYTNB

Aplikasi rasmi dari Tenaga Nasional Berhad ini membolehkan anda memantau penggunaan elektrik dengan jelas dan mudah difahami berserta dengan keupayaan untuk membayar bil anda menggunakan kad kredit utama untuk pelbagai akaun TNB. Anda juga boleh menjejaki penggunaan data lampau dan pembayaran sebelumnya serta menerima notifikasi bil baharu tanpa perlu menunggu penyata bercetak untuk tiba di rumah anda.



MY TABUNG

Aplikasi pengurusan belanjawan rasmi Bank Negara Malaysia adalah aplikasi tambahan yang berguna untuk dimuat turun di telefon pintar anda kerana ia mempunyai jejak sumber yang agak baik dan mempunyai sistem penggunaan yang jelas dan mudah difahami. Pada dasarnya, aplikasi My Tabung membantu anda membuat belanjawan peribadi atau isi rumah dan membolehkan anda merekodkan pendapatan dan perbelanjaan di bawah pelbagai kategori supaya anda dapat melihat kewangan anda secara keseluruhan.



SITI@1MOCC

Aplikasi 'Saya Ingin Tahu, 1Malaysia Omni Call Center', yang juga ditetapkan dengan akronim SITI@1MOCC adalah aplikasi unik yang dibangunkan oleh kerajaan Malaysia bertujuan untuk memperkasa orang awam dan membenarkan mereka untuk berhubung dan memahami lebih lanjut mengenai pelbagai agensi yang membentuk kerajaan Malaysia. Aplikasi sehati ini membolehkan pengguna mendapatkan perkembangan penting, membuat pertanyaan atau aduan dan mendapatkan direktori maklumat mengenai agensi kerajaan terpilih.



EZ ADU KPDNKK

Sekiranya anda menghadapi situasi penipuan atau diperdaya ketika membeli produk atau perkhidmatan di Malaysia, aplikasi rasmi ini membantu anda untuk membuat aduan terus ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia (KPDNKK) agar tindakan lanjut dapat diambil. Aplikasi ini juga membolehkan anda menyemak status siasatan kes tersebut.



MYHEALTH

Anda memerlukan maklumat rasmi berkenaan lokasi terdekat kemudahan perubatan kerajaan atau klinik pergigian? Atau anda ingin tahu mengenai sama ada seseorang pengamal perubatan itu berdaftar atau tidak? Aplikasi rasmi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ini seharusnya menjadi pilihan pertama anda. Aplikasi ini juga membolehkan anda mendapatkan jawapan kepada maklumat perubatan penting bahkan membolehkan anda mendapatkan penilaian risiko asas berkaitan kesihatan anda.



VSP

VSP atau akronim kepada *Volunteer Smartphone Patrol* adalah aplikasi rasmi oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang membolehkan pengguna menghantar maklumat atau aduan yang memerlukan bantuan pihak polis. VSP bukan sahaja membolehkan pengguna memfailkan aduan, ia juga menyenaraikan kontinjen polis yang terdekat untuk membantu anda memfailkan maklumat 'balik kampung' supaya polis dapat membantu mengawasi rumah anda semasa anda tiada.

SINDROM ‘TAKUT KETINGGALAN’ ITU BENAR BERLAKU! INI ADALAH CARA UNTUK MELAWANNYA

Apabila anda membuka sahaja laman *Facebook* atau *Instagram*, anda akan disajikan dengan pelbagai gambar, video dan berita tentang rakan-rakan atau selebriti yang hidup serba lengkap dan sempurna. Anda juga mungkin dipaparkan dengan gambar seorang rakan di luar negara yang sedang bersiar-siar berlatar belakangkan pemandangan pulau-pulau yang indah. Seorang lagi rakan anda sedang seronok mengelilingi pergunungan Swiss yang mengagumkan. Manakala sekumpulan rakan anda yang lain pula berkongsi gambar makanan mewah, sementara sahabat-sahabat karib anda sedang menunjukkan diri mereka duduk di kerusi kereta baharu masing-masing.

Walaupun sepatutnya anda berasa gembira dengan keberuntungan dan kebahagiaan mereka, anda mungkin menyimpan rasa tidak enak, iri hati, sedih dan mungkin sedikit perasaan cemas. Kombinasi emosi yang anda rasakan ini telah menjadi salah satu penyakit utama dalam era Internet pada hari ini. Itulah yang dikenali sebagai fenomena *Fear of Missing Out* (FOMO) atau ‘takut ketinggalan’.

BAGAIMANA UNTUK TAHU JIKA ANDA MENGHIDAP FOMO?

Pertumbuhan pesat dan kemudahan akses kepada media sosial telah menjadikan orang ramai lebih mudah untuk berkongsi detik penting dalam kehidupan mereka berbanding sebelum ini sekaligus untuk kekal berhubung dengan rakan-rakan, rakan sekerja dan keluarga. Hakikatnya, ia telah menjadi seperti mesej teks atau panggilan telefon melalui telefon pintar anda.

FOMO muncul dalam pelbagai cara bergantung kepada seseorang individu. Namun ia berkait rapat dengan perasaan individu yang merasakan kehilangan peluang secara peribadi mahupun profesional untuk berinteraksi dengan orang lain. Individu itu merasa kehilangan peluang untuk diajak ke acara-acara sosial dan umumnya berasa iri hati

serta mempunyai keinginan tinggi untuk terus memeriksa media sosial supaya dapat mengambil tahu tentang perkara paling menyeronokkan bakal berlaku pada rangkaian sosial mereka.

Campuran perasaan ini boleh wujud dalam ketidakpuasan dan rasa tidak senang yang boleh meresap ke dalam hubungan dengan rakan dan keluarga. Ia juga boleh menjadi lebih teruk apabila penghidap FOMO menghabiskan masa lebih lama di media sosial hanya untuk melihat jika ada perkara lain yang lebih menghiburkan atau lebih memberi kepuasan yang dialami oleh orang lain yang akan menjejaskan kehidupan sosial mereka dan orang-orang sekeliling.

BAGAIMANA UNTUK MENGATASI FOMO?

FOMO boleh menjadi satu perasaan yang menghancurkan diri. Ia menyebabkan anda merasa kurang berjaya dalam pencapaian, malahan merasa menyesal dan sedih apabila anda melihat orang lain menjalani kehidupan lebih baik daripada anda. Anda juga merasakan yang anda kehilangan banyak peluang yang anda rasa boleh dicapai. Hakikatnya itu semua boleh ditangani dengan pemikiran yang betul. Di sini terdapat beberapa cara fikir yang perlu anda capai untuk mengelak daripada FOMO:

01

Anda perlu sedar hampir semua perkara yang anda lihat di media sosial itu telah dirancang

Kebanyakan imej, video dan teks yang anda lihat telah dirancang untuk menunjukkan kesan kebahagiaan dan kejayaan secara berlebihan. Kehidupan bukan selalu berada pada tahap baik dan di atas selamanya – kehidupan itu ada episod naik turunnya – apa yang anda lihat dipaparkan di media sosial hanyalah bahagian terbaik dalam kehidupan mereka.

02

Anda perlu sedar yang anda tidak boleh lakukan segalanya

Jika anda manusia biasa, anda perlu sedar yang anda ada keluarga yang perlu dijaga, kuliah atau kerjaya yang perlu diurus dan bil yang perlu dibayar. Anda perlu sedar yang anda tidak mungkin memiliki masa yang mencukupi dalam sehari atau mampu untuk melakukan semua yang anda mahu lakukan. Apa yang anda boleh lakukan ialah utamakan perkara yang paling penting untuk anda, bersesuaian dengan masa dan belanjawan yang anda miliki.

03

Rehatkan diri daripada media sosial

Berehat daripada melayan media sosial pastinya berbaloi jika anda merasakan sindrom FOMO telah mula menguasai diri. Kurangkan penggunaan harian telefon pintar anda dan jadikan hujung minggu anda bebas untuk diluahkan melakukan aktiviti-aktiviti yang penting buat diri sendiri. Ini juga bermakna anda perlu meninggalkan telefon anda di luar bilik tidur sebelum tidur dan hanya membaca mesej anda pada keesokan harinya. Sekiranya ada hal yang sangat penting, mereka masih boleh membuat panggilan.

MOBILITI

PERKHIDMATAN KANDUNGAN YANG TIDAK DILANGGAN

Sama ada anda sedar atau tidak, anda mungkin telah menerima perkhidmatan kandungan yang anda tidak langgan menerusi SMS. Mesej tersebut biasanya disasarkan kepada pengguna telekomunikasi yang tidak sedar akan implikasi jangka panjang jika mereka mengakses kandungan tersebut. Walaupun ia seakan-akan tidak berbahaya, kadang-kadang ia boleh menjadi agak menjengkelkan malahan boleh menjadi punca kerugian besar kepada pengguna yang tidak berasa curiga.

Perkara tersebut boleh berlaku apabila pengguna melayari laman web yang mencurigakan atau tidak selamat disebabkan ia tidak dilengkapi dengan perlindungan perisian anti-virus. Sesetengah pengguna akan mengklik iklan *pop-up* yang berisiko mendedahkan maklumat peribadi mereka. Pengguna juga kadang-kadang tidak sedar yang mereka telah memberikan maklumat peribadi mereka akibat tertarik dengan promosi seperti cabutan bertuah, pertandingan dan sebagainya. Hal ini memberi peluang kepada sesetengah pihak untuk menghantar kandungan yang kita tidak ingini.

Terdapat banyak kes yang dilaporkan kepada CFM berkenaan perkhidmatan kandungan yang tidak dilanggan. Jumlah aduan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:


KATEGORI ADUAN	2016	2017	2018 (JAN-JULAI)
SMS TIDAK DILANGGAN / DIMINTA	253	169	6
SPAM / PENIPUAN	87	17	3
PROMOSI	12	3	1
LAIN-LAIN	2	4	2
JUMLAH ADUAN	354	193	12

Penghantar SMS boleh dikenali melalui:

KOD PENGHANTAR	KANDUNGAN MESEJ
<2xxxx> Perkhidmatan telco / perkhidmatan operator rangkaian mudah alih	Contoh: <i>Wallpaper</i> dan permainan atas talian berbayar
<3xxxx> Penyedia perkhidmatan kandungan / perkhidmatan premium oleh operator rangkaian mudah alih	Contoh: Telco, Astro, Promosi, TAC, SMS Pukal, notifikasi tiada caj
<6xxxx> Perkhidmatan korporat dan perbankan	Contoh: Iklan berkaitan laman web perjudian, hartanah dan sebagainya
<01xxxxxxxx> Nombor persendirian	

PERKHIDMATAN KANDUNGAN YANG TIDAK DILANGGAN

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGHENTIKAN PERKHIDMATAN KANDUNGAN YANG TIDAK DILANGGAN



TIPS CFM KEPADA PENGGUNA

Penyedia perkhidmatan kandungan yang berbeza memiliki kaedah pengaktifan berbeza, seperti melalui SMS atau klik pada pautan. Tindakan ini akan menyebabkan:

- Langganan automatik/manual melalui SMS (Pengguna diarah untuk menghantar SMS jika ingin melanggan)
- Pembaharuan langganan secara manual/automatik

01 Jika anda menerima SMS yang mencurigakan, pautan atau iklan *pop-up*, jangan baca/buka atau melayan permintaan mesej tersebut.

03 Anda juga perlu memantau baki kredit anda. Sekiranya anda mempunyai sebarang kerisauan, sila maklumkan kepada penyedia perkhidmatan anda mengenai isu ini.


02 Hubungi penyedia perkhidmatan anda dengan segera sekiranya berlaku potongan baki kredit atau jumlah bil yang tidak diketahui.

04 Muat turun aplikasi mudah alih penyedia perkhidmatan anda untuk memantau caj yang dikenakan oleh mereka. Sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan, sila maklumkan kepada penyedia perkhidmatan anda mengenai isu ini.

TUTORIAL

PERKASAKAN PELAYAR CHROME ANDA DENGAN LIMA *EXTENSION* INI

Laman carian Google Chrome adalah salah satu web khidmat carian terbaik yang boleh didapati hampir di semua platform digital. Di samping menjadi salah satu perkhidmatan hasil carian yang paling intuitif dan tepat, versi *desktop* nya juga sangat serba boleh kerana mereka membenarkan pengguna untuk menambah ciri tambahan melalui apa yang mereka panggil sebagai “*extension*” (sambungan) di kedai web Chrome secara atas talian.



Walaupun terdapat pelbagai *extension* tersedia dan banyak daripadanya boleh didapati secara percuma, lima *extension* dalam senarai paling atas ini memang sangat berguna dan membantu menjadikan Chrome bertindak lebih pantas, lebih menyenangkan untuk digunakan dan lebih berkuasa daripada sebelumnya. Untuk makluman, sambungan ini hanya berfungsi pada versi desktop Chrome, bermaksud PC dan Mac anda.

Setelah anda pastikan laman Chrome anda telah dikemaskini ke versi yang terkini, anda boleh terus log masuk ke <https://chrome.google.com/webstore>. Dari sana, anda boleh membuat carian atau taipkan nama *extension* yang dicadangkan dan diserlahkan di bar carian web Chrome. Memuat turun *extension* dapat dilakukan semudah mengklik pilihan *extension* yang ada dan menambah masuk ke laman carian anda. Berikut adalah beberapa *extension* yang anda perlukan untuk menikmati pengalaman menggunakan Chrome ke peringkat yang seterusnya!

PERKASAKAN PELAYAR CHROME ANDA DENGAN LIMA *EXTENSION* INI



Salah satu kesukaran menggunakan Chrome adalah apabila sistemnya bertindak perlahan ketika anda membuka beberapa bilangan tab. *The Great Suspender* membantu mengurangkan jejak memori Chrome dengan memadam tab yang tidak digunakan selepas beberapa tempoh masa. Anda boleh mendapatkan semula tab-tab ini dengan hanya mengklik semula *extension* tersebut. Anda juga boleh mengawal seberapa agresif yang anda mahu ia melaksanakan tugas memadamkan tab di bahagian tetapan.



Pakar bahasa yang teliti pun kadang-kala boleh melakukan kesalahan ayat atau secara tidak sengaja membuat kesilapan ejaan. *Extension* hebat ini bertindak menggariskan kesalahan ejaan, menyerlahkan kesilapan tatabahasa dan juga mencadangkan pilihan kata yang lebih baik pada semua interaksi dan aktiviti menaip anda di Chrome. *Extension* ini menghasilkan ayat yang lebih cantik untuk penulisan anda walaupun ia hanya berfungsi untuk bahasa Inggeris buat masa sekarang.



Tiada siapa yang menyukai iklan *pop-up* atau iklan yang menjengkelkan muncul ketika anda sedang melayari internet. Bukan sahaja ia memakan kuota data berharga anda, malahan terlalu banyak gangguan iklan pada pelayar anda boleh menyebabkan aktiviti melayari internet menjadi perlahan. *Extension* ini bertindak menghalang iklan daripada muncul walaupun tidak kesemuanya. Anda juga boleh menyenarai putih laman web yang anda mahu dan mengubah keupayaan *Adblock Plus* di bahagian tetapan.



Melihat latar belakang putih yang terang pada laman web selama berjam-jam boleh menyebabkan kesakitan pada mata. *Extension* ini membolehkan anda menurunkan kecerahan di laman web dan anda juga boleh membalikkan warna supaya anda mendapat teks putih dengan latar belakang hitam untuk bacaan yang lebih mudah. Latar belakang yang dibalikkan ini membantu menjimatkan hayat bateri terutamanya apabila anda menggunakan komputer riba.



Kadangkala Chrome dirasakan sedikit kurang ciri peribadi. *Extension Momentum* hadir menawarkan solusinya dengan mencipta halaman tab yang lebih personal; memanggil anda dengan nama, memberitahu anda masa dan cuaca, mengingatkan anda tentang senarai tugas anda dan ia juga memotivasikan anda dengan gambar dan kata-kata inspirasi setiap hari.